

28 APR 2003

Jamaludin-Umno

UMNO PERLU KUAT UNTUK TANGKIS TANGGAPAN NEGATIF MEDIA ASING

KANGAR, 28 April (Bernama) -- Umno, parti yang menunjangi pentadbiran negara perlu meningkatkan kekuatannya bagi menangkis tanggapan negatif media asing terhadap Malaysia, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis hari ini.

Beliau berkata Umno perlu membuktikan bahawa rakyat negara ini sentiasa bersatu padu dan dengan perpaduan itu, negara dapat menjana ekonomi dengan lebih selesa.

Semasa berucap pada perasmian persidangan perwakilan Umno Bahagian Arau di sini, beliau berkata media asing cemburu dengan pencapaian negara ini dan parti pembangkang turut menyokong mereka.

Dr Jamaludin menegaskan bahawa jika Umno kuat dan ekonomi negara terus berkembang sebagaimana yang sedang diusahakan oleh kerajaan, media asing tidak mempunyai ruang untuk memburuk-burukkan Malaysia.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengumumkan pakej rangsangan baru bulan depan, bertujuan menggalakkan perkembangan ekonomi terutama di sektor pelancongan.

Pakej rangsangan itu penting bagi menangani kesan daripada krisis Teluk dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang telah menjejaskan ekonomi negara terutama di sektor pelancongan.

Jamaludin turut mengumumkan pelantikan anggota Dewan Undangan Negeri Perlis bagi kawasan Beseri, Zahidi Zainul Abidin sebagai setiausaha politiknya.

Pemimpin muda dari Perlis itu telah memulakan tugasnya 1 April lepas.

-- BERNAMA

AD ERE RON